

16/12/1998

KDNK diramal menguncup 6 peratus

Jamhariah Jaafar in Hanoi

HANOI, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dijangka menguncup enam peratus atau lebih tahun ini.

Malah, menurut Perdana Menteri kebanyakan negara di rantau ini juga turut mengalami pertumbuhan ekonomi pada kadar sifar atau negatif dalam tempoh yang sama.

"Pada kemuncak krisis ekonomi ini, ringgit mengalami kejatuhan nilai sehingga 60 peratus berbanding dolar Amerika, angkara pedagang mata wang, manakala pasaran saham hilang dua pertiga daripada modalnya iaitu lebih AS\$200 bilion.

"Sebagai sebuah negara, kami menjadi miskin, bank dan syarikat korporat kami runtuh," katanya ketika berucap pada Sidang Kemuncak Asean Keenam, di sini hari ini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir memberi jaminan ekonomi Malaysia masih terbuka seperti sebelum ini dan langkah penetapan nilai ringgit serta kawalan modal hanya untuk melindungi negara daripada spekulator tamak.

Beliau juga menjelaskan kepada pemimpin-pemimpin Asean lain bagaimana langkah berkenaan berjaya membantu membawa ekonomi Malaysia ke arah pemulihan.

"Pelaburan asing boleh dan masih datang, perdagangan terus berlangsung tanpa gangguan dan keuntungan boleh dihantar pulang ke negara masing-masing," katanya.

Beliau berkata, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) masih terbuka kepada pelabur asing, kecuali mereka perlu menyimpan saham-saham mereka selama setahun sebelum boleh menjualnya semula.

Dr Mahathir juga menjelaskan yang modal pasaran saham sudah berganda sejak langkah itu diperkenalkan.

Menurutnya, sebelum ini mata wang dan pasaran saham Malaysia pernah diletakkan di bawah kawalan, tetapi ia diliberalisasikan kerana negara ini percaya dengan sistem pasaran bebas.

"Tetapi liberalisasi kami disalahgunakan, sehingga mengakibatkan kegawatan ekonomi dan kewangan. Kami tidak mempunyai pilihan, kecuali mengenakan semula kawalan.

"Sehingga masyarakat antarabangsa bersetuju untuk membentuk satu regim antarabangsa yang dapat mengatasi pelbagai bahaya yang terdedah, kami akan terus dengan kawalan kami," katanya.

Beliau berkata, selepas pelbagai usaha dilakukan seperti menurunkan kadar faedah, menyuntik modal semula kepada bank dan menguruskan pinjaman tidak berbayar (NPL) serta pelbagai langkah lain, Malaysia berjaya mengekang kejatuhan pada kadar pertumbuhan ekonomi dan meletakkan ekonomi negara kembali kepada laluan sebenar ke arah pemulihan.

Menurut Dr Mahathir, sementara kemasukan modal boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan mempertingkatkan kemakmuran rakyat, aliran keluar modal secara besar-besaran dan secara tiba-tiba boleh memusnahkan seluruh ekonomi.

"Sistem kewangan yang sedia ada tidak mampu menangani aliran modal yang besar dan krisis kewangan dan ekonomi yang disebabkan," katanya.

Perdana Menteri berkata, pihak berkenaan sebaliknya lebih memilih menyalahkan kerajaan negara-negara terjejas.

"Di sebalik bertindak terhadap mereka yang memanipulasi mata wang, mereka dibenarkan memusnahkan kuasa-kuasa ekonomi Asia untuk memaksa

mereka meminta bantuan dan menerima pembaharuan yang diminta oleh IMF (Tabung Mata Wang Antarabangsa)," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak mampu menunggu sementara negara-negara maju dan institusi kewangan antarabangsa berlengah-lengah.

"Oleh itu, kita sudah memperkenalkan Pelan Tindakan Ekonomi kita sendiri. Kita hentikan urusan ringgit di luar negara kerana tidak mahu spekulator mata wang memanipulasinya.

"Kita juga memastikan yang jualan singkat saham-saham kita dan kejatuhan harganya dihentikan," katanya.

Beliau berkata, melalui kadar faedah yang lebih rendah, kecairan yang lebih lagi, permodalan semula bank-bank dan pengurusan pinjaman-pinjaman tidak berbayar (NPL) dan juga langkah-langkah lain, Malaysia berjaya menangani masalah ekonominya dan membawanya ke jalan pemulihan.

(END)